

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB**  
**(TANJONG MANIS)**  
**TARIKH : 09 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat peruntukan untuk mendalamkan (dredging) alur muara Batang Rajang di Tanjung Manis. Untuk makluman, terdapat banyak beting pasir terbentuk di muara Batang Rajang yang merbahaya kepada pelayaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2010 Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Laut Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia telah melaksanakan satu kajian bertajuk "*The Coastal Hydraulic And Sedimentation Study For The Assessment Of Dredging Requirements For Ports And Rivermouth In Malaysia*" yang melibatkan beberapa buah sungai di Sarawak, antaranya ialah Sungai Sarawak, Batang Rajang dan Batang Baram.

Mengikut Laporan *Survey Hidrografi Chart Datum (CD)* di kawasan muara Batang Rajang adalah 4.1 meter dan ditambah dengan *mean low water spring* bagi kawasan Kuala Rajang adalah 1.5 meter. *Controlling depth* atau kedalaman minimum adalah kedalaman yang paling rendah di dalam kawasan alur laluan kapal. *Controlling depth* pada kawasan muara Batang Rajang adalah 5.6 meter. Manakala *controlling draft* pada muara Batang Rajang adalah 8.6 meter.

Berdasarkan situasi semasa, kapal yang mempunyai draf melebihi *controlling depth* iaitu kedalaman 5.6 meter perlu menunggu sehingga air pasang penuh iaitu kedalaman 8.6 meter bagi melayari alur muara Batang Rajang.

Kawasan alur Batang Rajang yang dikenal pasti sebagai kawasan cetek adalah Beting Bohari iaitu kira-kira 6 batu nautika daripada *baseline*, di luar kawasan muara sungai. Pelabuhan Tanjong Manis yang terletak 30 km daripada muara sungai mempunyai kedalaman *wharf* pada 11 meter. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk melaksanakan kerja-kerja pengerukan alur pelayaran bagi kapal-kapal yang lebih besar untuk menggunakan Pelabuhan Tanjong Manis.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan Sarawak melalui Bahagian Pengangkutan Laut dan Sungai, dan Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Laut Malaysia perlu mengadakan perbincangan lanjut sekiranya berhasrat untuk

## SOALAN NO: 11

melaksanakan pengerukan ini semasa *Rolling Plan* ke 4, Rancangan Malaysia ke-12.